

UMS jelajah sekolah luar bandar

Menyelami permasalahan kualiti pendidikan dan sosio ekonomi masyarakat

UB 5/7/2011 BT

TELUPID: Seramai 35 peserta terdiri daripada 22 orang Guru Besar dari Program Khas Pesisirwazahan Guru Besar (PKPGB Kohot 6) UMS, lima orang wakil dari Biro Tatanegara (BTN) dan lapan orang sukarelawan Universiti Malaysia Sabah (UMS), menyertai Program *Outreach* Penengah, anjuran UMS, di sini baru-baru ini.

Program yang dijalankan selama empat hari itu, bertujuan menyelami permasalahan pendidikan di luar bandar dalam membantu mempertingkatkan kualiti pendidikan dan sosioekonomi masyarakat di pedalaman.

Pelbagai aktiviti dijalankan berupa akademik dan kemahiran kraftangan, pemakanan seimbang, pendidikan ibu bapa, riadah, sukaneka, interaksi sosial, kebudayaan dan peluang-peluang pendidikan lanjutan.

Pada masasama, Penyelaras Program Dr Khalid Johari berkata, beberapa isu juga dikenalpasti perlu perubahan pada masa akan datang, bagi memastikan pembangunan pendidikan luar bandar seiring dengan kemajuan yang dinikmati rakyat sepenuhnya kelak.

"Isu yang dikenalpasti ialah

kemudahan pengangkutan yang sangat teruk, bilangan penerima Bantuan e-Kasih, Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) dan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) terlalu kecil berbanding bilangan sebenar mengikut kriteria yang ditetapkan, kekurangan kelengkapan sekolah serta peranan agensi kerajaan dalam memacu peningkatan sosio ekonomi perlu meningkatkan akauntabiliti masing-masing, sebagai menyahut usaha kerajaan membasmi kemiskinan," katanya.

Kampung Penengah kira-kira 72 kilometer dari Pekan Telupid melalui jalan raya tidak berturap mengambil masa hampir empat jam untuk sampai. Turut serta dalam program itu, 48 pelajar masing-masing dari Sekolah Kebangsaan (SK) Penengah dan SK Saguon.

Menurut Dr Khalid lagi, sepanjang program itu, antara aktiviti utama dilaksanakan ialah memberi peluang kepada pelajar memupuk budaya berani berhadapan dengan komuniti luar, serta membina keyakinan diri dengan potensi diri sendiri.

Rombongan berkenaan juga melawat ke beberapa rumah penduduk kampung



RASMI ... Gimik perasmian menggunakan persembahan multimedia yang disempurnakan oleh Majid sambil diperhatikan oleh tetamu yang lain.

yang terletak di tepi Sungai Penengah dengan menaiki bot-bot yang dipandu sendiri oleh penduduk kampung. Rombongan berkesempatan berkenalan dengan seorang ketua rumah di Kampung Tingkalaban yang berusia 60 tahun dan beramah mesra kira-kira 20 minit.

Pengarah Program Achin Marudu berkata, selain mengadakan aktiviti kemasyarakatan berupa pengajaran mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris

dan Sains, rombongan juga menyampaikan sedikit sumbangan bagi membantu sekolah mengadakan aktiviti. Katanya aktiviti '*Learning Math One*' dengan Ujian Pra Matematik Kertas 2 yang dikendalikan oleh wakil PKPGB amat memanfaatkan pelajar yang sukar mendapat kemudahan alat bantu mengajar.

Bagi warga pendidik SK Penengah bergotong-royong untuk mencerikan Pusat Sumber Sekolah dengan

mengecat semula dinding, menambah mural, menampal kata-kata motivasi dan menyusun atur perabot, menambah keceriaan agar lebih kondusif untuk pengguna.

Pada masa yang sama, ibu-bapa diberi ceramah pertama oleh wakil BTN mengenai kepentingan pendidikan untuk masa depan anak-anak bagi meneruskan perjuangan memajukan diri.

Turut serta dalam program itu, seramai 48 pelajar masing-masing dari SK Penengah dan SK Saguon. Hadir sama Guru Besar Julius Mandasa, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Gujim Lindan, Yang Dipertua PIBG Canon Musa Ambai serta penduduk setempat.

Majlis perasmian dan penutupan dilakukan oleh pemaju Mukim Majid Lindan, mewakili Ahli Dewan Undangan Negeri Kuamut Masing Banah. Majlis diserikan lagi dengan persembahan kebudayaan oleh kaum ibu dari Kampung Penengah berkenaan.



ALBUM ... Peserta, pelajar dan jawatankuasa Program Outreach UMS merakam gambar kenangan pada majlis itu.